

D345

B B767 DEB  
MAHATHIR - PELAJAR R R R  
DARIPADA ABDUL RACHMAN NORODIN DAN LESLIE LIM  
(I)

NEW DELHI, 31 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PELAJAR MALAYSIA DI SINI MEREKA AKAN +MENYEPAK KERTAS+ SEKEMBALINYA KE TANAH AIR DENGAN IJAZAH MEREKA JIKA MEREKA TIDAK MENGUBAH SIKAP TERHADAP PEKERJAAN TERUTAMA PADA KEMELESETAN INI.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA MESTI MAMPU MENGGUNAKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG MEREKA PEROLEHI UNTUK Mencari sumber hidup kerana kini terdapat 36,000 orang graduan menganggur di tanah air.

MEREKA SEPATUTNYA TIDAK MENGHARAPKAN SANGAT UNTUK Mendapat pekerjaan dengan kerajaan tetapi mengambil peluang yang ada untuk hidup, katanya pada perjumpaan dengan kira-kira 50 pelajar Malaysia dari dan sekitar New Delhi, Madras dan Poona.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Rais Yatim, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini, Encik Mohamad Haron. -- LAGI 1905MST 31 01 87

B B770 DEB  
MAHATHIR - PELAJAR 2 NEW DELHI R R R

PERDANA MENTERI JUGA BERCAKAP PANJANG LEBAR DAN MENJAWAB SOALAN DARIPADA PARA PELAJAR MENGENAI KEADAAN EKONOMI NEGARA, DASAR PANDANG KE TIMUR, ISLAM, PENSWASTAAN, RANCANGAN MALAYSIA KELIMA DAN PELUANG PEKERJAAN BAGI PARA PELAJAR DAN KEADAAN POLITIK DALAM NEGERI.

PARA PELAJAR JUGA MENIMBULKAN MASALAH VISA, KEMEROSOTAN BAHASA MALAYSIA SEMASA DI SEBERANG LAUT, TIDAK PENGKTIRAFAN SESETENGAH KURSUS SELEPAS IJAZAH DI BEBERAPA UNIVERSITI INDIA DAN KONSEP +UNIVERSITI TERBUKA+ DI MALAYSIA.

MENGENAI PELUANG PEKERJAAN BAGI GRADUAN DARI INDIA, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA DALAM DISIPLIN PERUBATAN BERBANDING DENGAN KEJURUTERAAN MUNGKIN Mendapat lebih mudah memasuki perkhidmatan kerajaan kerana negara masih memerlukan doktor yang sedia berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar dan untuk melatih semula pakar-pakar.

SAMBIL BERJANJI AKAN CUBA Mendapatkan bantuan Dewan Bahasa dan Pustaka membantu para pelajar mengekalkan mutu bahasa Malaysia semasa di luar negeri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata cara terbaik untuk fasih dalam bahasa kebangsaan ialah bagi mereka berkumpul satu atau dua jam sehari dan membincangkan kerja-kerja mereka dalam bahasa Malaysia.

MENJAWAB SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATKAN PELAJAR MALAYSIA YANG MENGAMBIL PENGKHUSUSAN DALAM PENGAJIAN ISLAM MEREKA DAPAT Menyumbangkan kepada negara dengan menyampaikan ajaran yang akan menyatukan ummah. -- LAGI 1915MST 31 01 87

**B B772 DEB**  
**MAHATHIR - PELAJAR 3 NEW DELHI 2 2 2**

**PAGI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA DI RAJGHAT, TEMPAT MAYAT MAHATMA GANDHI DIBAKAR.**

**BELIAU JUGA MENANAM SEBATANG POKOK DI TAMAN BUNGA BERHADAPAN RAJGHAT, YANG TERLETAK DI TEBING SUNGAI YAMUNA.**

**PERDANA MENTERI JUGA MELETAKKAN KALUNGAN-KALUNGAN BUNGA DI TUGU PERINGATAN NEHRU DAN INDIRA GANDHI YANG TERLETAK DI SATU KAWASAN YANG BERHAMPIRAN.**

**PADA TENGAH HARINYA PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAWAT EKSPLO PERDAGANGAN INDIA DAN MENEMUI WARTAWAN-WARTAWAN KANAN INDIA DI KEDIAMAN PERSURUHJAYA TINGGI MALAYSIA.**

**BELIAU KEMUDIAN AKAN MENGADAKAN JAMUAN MAKAN MALAM TIDAK RASMI BAGI TOKOH-TOKOH PERINDUSTRIAN INDIA DAN AKAN BERLEPAS PULANG KE TANAH AIR ESOK.**

**-- BERNAMA**  
**1918MST 31 01 87**